



تتامو نڭارا

TETAMU NEGARA



2016



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hak Cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Taip set/ Kompilasi
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak
Ramlah binti Hj Mohd.Nor
Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar/Juruteknik Foto
Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor
Syahi bin Haji Ludin

Dicetak oleh
Syarikat Percetakan Juta Jaya Sdn.Bhd

Foto
Unit Fotografi, Jabatan Penerangan

ISBN
978-99917-49-96-9

TETAMU NEGARA

**NAIB PRESIDEN REPUBLIK INDIA,
TUAN YANG TERUTAMA
DR. MOHAMMAD HAMID ANSARI
DAN ISTERI, PUAN SALMA ANSARI
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1 - 3 FEBRUARI 2016**

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Negara Brunei Darussalam - India meneroka pelbagai peluang kerjasama	10 -11
Membincangkan isu-isu dua hala	12 - 15
Majlis Santap Tengah Hari rai Naib Presiden Republik India	16 - 18
Tiga MoU penting dimeterai	19 - 20
Brunei-India bincang isu kepentingan bersama	21
Isteri Naib Presiden India lawat Pusat SMARTER Autisme EDGE	22
Lawatan Naib Presiden Republik India ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien	23
Perkhidmatan komuniti India dihargai	24 - 25
Brunei-India : Rakan kongsi pelbagai bidang	26 - 27
Kerjasama Pendidikan Brunei-India menyediakan kepakaran profesional	28 - 29
Naib Presiden Republik India akhiri Lawatan Rasmi	30

Negara Brunei Darussalam dan Republik India

meneroka pelbagai peluang kerjasama

NEGARA Brunei Darussalam dan Republik India mempunyai dan menikmati hubungan dua hala yang baik lagi mesra sejak sekian lama dan telah sama-sama meneroka pelbagai peluang termasuk kerjasama dalam industri pertahanan, keselamatan maritim dan latihan.

Persahabatan dan kerjasama yang telah dinikmati oleh kedua-dua buah negara sentiasa diperkukuhkan lagi baik di peringkat dua hala mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.

Lawatan Rasmi tiga hari Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berserta rombongan ke negara ini setentunya akan mengukuhkan lagi persahabatan kedua-dua buah negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada hari Isnin, 1 Februari 2016 dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan isteri, Datin Hajah Sapiah binti Haji Sabtu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan isteri mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari.

Juga hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri berserta rombongan ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick; Setiausaha Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Jabatan Perdana Menteri, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Jabatan Perdana Menteri, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan dari Pejabat Suruhanjaya Tinggi Republik India di negara ini.

Rombongan Tuan Yang Terutama disertai oleh 67 ahli rombongan itu terdiri daripada Menteri Negara Hal Ehwal Dalam Negeri Republik India dan beberapa ahli parlimen republik berkenaan.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari.

Semasa berada di negara ini, Tuan Yang Terutama dijangka akan mengadakan perjumpaan bersama masyarakat Republik India yang berada di negara ini.

Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama akan berakhir pada 3 Februari 2016.

Membincangkan isu-isu dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman dengan Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari tanda mengalu-alukan Tuan Yang Terutama dalam majlis mengadap tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada hari Selasa, 2 Februari 2016.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Naib Presiden Republik India telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik India, serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Menyertai rombongan Tuan Yang Terutama Naib Presiden Republik India pada Majlis Mengadap itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Haribhai Parathibhai; beberapa orang ahli Parlimen Republik India dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Naib Presiden Republik India, Puan Salma Ansari.

Puan Salma Ansari berada di negara ini bagi mengiringi suaminya Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari yang mengadakan Lawatan Rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Berangkat sama pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga hadir ialah isteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Datin Dayang Hajah Sapiah binti Haji Sabtu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Naib Presiden Republik India, Puan Salma Ansari yang berlangsung di Istana Nurul Iman.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan bergambar ramai bersama isteri Naib Presiden Republik India, Puan Salma Ansari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Salma Ansari di Istana Nurul Iman. Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman mengalu-alukan ketibaan Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari.

Majlis Santap Tengah Hari rai Naib Presiden Republik India

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima mengadap Naib

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada rombongan Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari.





DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari.

Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari di Qashr Al-Meezan pada hari Selasa, 2 Februari 2016.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin Sa’adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Selepas Majlis Mengadap, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan meraikan Tuan Yang Terutama dan isteri bagi Majlis Santap Tengah Hari sempena Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama.

Mengiringi Tuan Yang Terutama, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik India, Yang Berhormat Haribhai Parathibhai, beberapa orang ahli Parlimen Republik India dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke negara ini, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick.

Antara yang hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Timbalan-Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-Setiausaha Tetap.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan meraikan Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari dengan Majlis Santap Tengah Hari. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan bergambar bersama Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari.

Tiga MoU penting dimeterai

NEGARA Brunei Darussalam dan Republik India mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) dalam bidang pertahanan, hal ehwal belia dan sukan dan kesihatan.

Penandatanganan MoU yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club pada hari Selasa, 2 Februari 2016



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sementara Kerajaan Republik India diwakili oleh Setiausaha (Timur), Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa ketika menandatangani MoU dalam kerjasama hal ehwal belia dan sukan.



adalah bersempena dengan Lawatan Rasmi Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari ke negara ini.

MoU dalam kerjasama bidang pertahanan ditandatangani oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sementara Kerajaan Republik India pula diwakili oleh Setiausaha (Timur) Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa.

MoU ini akan memberikan rangka kerja bagi kerjasama pertahanan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik India seperti pertukaran lawatan di antara pegawai tentera dan pertahanan, kursus-kursus dan juga latihan ketenteraan dua hala.

Dengan penandatanganan tersebut, Negara Brunei Darussalam dan Republik India mengenal pasti kepentingan kerjasama dalam bidang pertahanan dan membuktikan lagi komitmen kedua-dua buah negara dalam usaha meningkatkan kerjasama tersebut.

Kedua-dua buah negara juga menandatangani MoU dalam kerjasama hal ehwal belia dan sukan.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Manakala Kerajaan Republik India pula diwakili oleh Setiausaha (Timur), Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sementara Kerajaan Republik India diwakili oleh Setiausaha (Timur), Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa ketika menandatangani MoU dalam kerjasama bidang pertahanan.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd Tamit ketika menyaksikan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) kedua-dua buah negara dalam kerjasama hal ehwal belia dan sukan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sementara Kerajaan Republik India diwakili oleh Setiausaha (Timur), Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa ketika menandatangani MoU dalam bidang kesihatan.

Penandatanganan ini antara lain mendorong dan mempromosikan bidang kerjasama dalam bidang hal ehwal belia dan sukan di antara kedua-dua buah negara selain pertukaran program dan sebagainya.

Sementara itu, MoU dalam bidang kesihatan pula ditandatangani oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik India juga diwakili oleh Setiausaha (Timur), Kementerian Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Anil Wadhwa.

MoU dalam bidang kesihatan ini akan dapat mempererat lagi kerjasama bagi menyumbang kepada peningkatan kualiti penjagaan kesihatan kepada rakyat dan penduduk kedua-dua buah negara.

Penandatanganan tersebut turut disaksikan oleh Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dan Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman ketika menerima kunjungan hormat daripada Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan rombongan. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Brunei-India bincang isu kepentingan bersama

YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib mengadakan perjumpaan dengan Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, pada hari Selasa, 2 Februari 2016.

Dalam perjumpaan tersebut, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Tuan Yang Terutama antara lain membincangkan mengenai persefahaman dan hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara. Selain itu, isu-isu yang menjadi kepentingan bersama juga turut dibincangkan semasa perjumpaan berkenaan.

Hadir sama pada perjumpaan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Di-Rajadan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad dan Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Isteri Naib Presiden Republik India lawat Pusat SMARTER Autisme EDGE



ISTERI Naib Presiden Republik India, Puan Salma Ansari menyerahkan sumbangan derma kepada SMARTER Brunei.

PUSAT SMARTER Autisme EDGE yang terletak di Kampung Mata-Mata, Gadong menerima kunjungan muhibah daripada isteri Naib Presiden Republik India, Puan Salma Ansari pada hari Selasa, 2 Februari 2016 yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke negara ini.

Ketibaan Puan Salma Ansari dan delegasinya di pusat berkenaan dialu-alukan oleh Yang Dipertua SMARTER, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman dan isteri, Dayang Nipah binti Haji Moktal.

Puan Salma Ansari seterusnya melawat bangunan pusat berkenaan serta beramah mesra dengan kanak-kanak autisme.

Delegasi kemudian menyaksikan persembahan tarian dan lakonan oleh sebahagian kanak-kanak di pusat tersebut.

SMARTER Brunei merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang komited dalam menyediakan perkhidmatan kepada individu serta ahli keluarga yang menghidap autisme.

Pertubuhan yang telah beroperasi sejak 10 tahun yang lalu ini juga mempunyai cawangan di Kuala Belait serta Pusat Autisme Brunei bagi Orang Dewasa (BACA) yang terletak di Kampung Jangsak.





SENI bina Islam yang terserlah pada Masjid Omar 'Ali Saifuddin merupakan mercu tanda Bandar Seri Begawan telah menarik perhatian Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berserta rombongan yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke negara ini.

Lawatan Naib Presiden Republik India ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin

SENI bina Islam yang terserlah pada Masjid Omar 'Ali Saifuddin merupakan mercu tanda Bandar Seri Begawan telah menarik perhatian Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berserta rombongan yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke negara ini.

Ketibaan Naib Presiden Republik India dan isteri berserta rombongan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin pada hari Selasa, 2 Februari 2016 dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama dan isteri menyaksikan klip video mengenai sejarah dan pembangunan masjid berkenaan, diikuti dengan lawatan ke persekitaran masjid.

Acara diteruskan dengan Tuan Yang Terutama menandatangani buku lawatan dan penyampaian cenderahati kepada Tuan Yang Terutama yang disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Turut mengiringi lawatan Naib Presiden Republik India ke masjid tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri India, Yang Berhormat Haribhai Parathibhai Chaudhary dan isteri.

Lawatan Rasmi tiga hari Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri berserta rombongan ke negara ini setentunya akan mengukuhkan lagi persahabatan di antara kedua-dua buah negara.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berkesudian bergambar ramai bersama masyarakat India di negara ini.

Perkhidmatan komuniti India dihargai

NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berserta rombongan diraikan pada Majlis Malam Resepsi yang berlangsung di Indera Samudera, The Empire Hotel and Country Club pada hari Selasa, 2 Februari 2016. Majlis Malam Resepsi tersebut dihoskan oleh Suruhanjaya Tinggi Republik India dan komuniti Republik India di Negara Brunei Darussalam.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Republik India diikuti dengan ucapan daripada Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari.

Tuan Yang Terutama dalam ucapannya menyentuh mengenai nilai penting perkhidmatan komuniti India yang diberikan kepada masyarakat di negara ini sama ada dalam bidang pendidikan, bidang kesihatan dan lain-lain perniagaan perkhidmatan profesional.

Jelas Tuan Yang Terutama, mereka telah melakukan kerja yang baik dan berharap akan dapat meneruskannya bagi tahun akan datang untuk terus memperkukuhkan hubungan antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama seterusnya berkata, modaliti kerja kini terus berubah kerana kita kini berada pada alaf ke-21 di mana pelbagai perkara bergerak secara berbeza.

“Dengan perkhidmatan yang telah diberikan hendaklah membuahkan hasil agar ia juga dapat diberikan kepada yang lain,” tambah Tuan Yang Terutama.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Tuan Yang Terutama melahirkan rasa gembira kerana dapat bertemu dengan komuniti India di negara ini dan melalui lawatan singkat tersebut dapat mengukuhkan hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India.

Pada majlis itu, Tuan Yang Terutama juga menyertai sesi bergambar ramai dan seterusnya berpeluang beramah mesra bersama komuniti Republik India yang hadir.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari semasa bergambar ramai bersama komuniti India di negara ini.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari semasa hadir pada Majlis Malam Resepsi.

Brunei-India : Rakan kongsi pelbagai bidang



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'India-Brunei: Rakan Kongsi Dalam Keamanan dan Kemakmuran'.

NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari berkata, pertumbuhan ekonomi berterusan di India atas dorongan jumlah penduduk muda dalam peningkatan aspirasi, menjadikan India sebagai salah satu pasaran tenaga jangka panjang yang boleh dipercayai di dunia.

“Pada masa ini India mengimport minyak mentah bernilai USD1 bilion daripada Brunei. Walaupun India adalah pengimport ketiga terbesar bagi Brunei, jumlah import dari Brunei adalah hanya sebahagian kecil daripada import mentah global India, lebih daripada USD112.748 dalam 2014-15,” jelas Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari semasa berucap pada Ceramah Khas yang bertajuk ‘India-Brunei : Rakan Kongsi Dalam Keamanan dan Kemakmuran’, berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada hari Rabu, 3 Februari 2016.

Seperti mana India memulakan pertumbuhan tinggi trajektori yang mampan, jelas Tuan Yang Terutama, keperluan tenaga di India semakin meningkat, dan ini menawarkan peluang Brunei untuk meningkatkan eksport hidrokarbon ke India.

Tuan Yang Terutama menjelaskan, ekonomi India yang semakin meningkat juga memberikan peluang untuk bergerak lebih dalam hubungan jual beli dan adanya potensi yang amat besar untuk mempelbagaikan dan melakukan nilai tambah dalam rangkaian hidrokarbon eksport.

Dalam konteks ini kata Tuan Yang Terutama, India berminat untuk bekerja dengan Kerajaan Brunei bagi menubuhkan sebuah kilang baja dengan menggunakan sumber hidrokarbon yang boleh didapati di sini untuk menghasilkan baja dalam memenuhi keperluan pertanian di India.

“Ini akan menjana aliran pendapatan tambahan dan mewujudkan pekerjaan tempatan dan memberi faedah kepada kedua-dua buah negara,” ujar Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama juga melahirkan penghargaan atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Brunei bagi Program Space India melalui Telemetry Tracking dan Telecommand Station ISRO di Brunei, yang mana stesen ini adalah satu komponen penting dalam kejayaan hebat India, dalam menggerakkan ‘Mangalyaan’ di sekitar Mars serta juga berharap untuk meneruskan kerjasama dalam bidang ini.

Pada masa ini, jelas Tuan Yang Terutama lagi, 10,000 komuniti profesional India seperti doktor, jurutera, usahawan, guru dan kakitangan menyumbang kepada ekonomi Brunei dan Tuan Yang Terutama melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sokongan yang diberikan kepada masyarakat India.

“Kualiti profesional kami adalah bukti kepada kekuatan institusi akademik di India. Ini merupakan satu lagi bidang untuk kita bekerjasama. Kami mengalu-alukan lebih banyak pertukaran pelajar, guru dan penyelidik dari institusi akademik di Brunei, termasuk universiti ini.

Pertukaran itu akan menjadikan rakyat kita terus saling berhubung. Kami juga berminat untuk bekerjasama dengan Brunei dalam mengembangkan bidang pelancongan bersama dengan meningkatkan hubungan dan memperkemas keperluan visa dan dokumen perjalanan,” ujarnya.

Tuan Yang Terutama seterusnya menambah, India telah mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat pada tahun-tahun kebelakangan ini dan ini boleh meningkatkan bidang kerjasama yang mana India juga berminat untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang teknologi maklumat selaras dengan kehendak dan keperluan rakyat serta Kerajaan Brunei.

Sebagai ekonomi perdagangan, kata Tuan Yang Terutama lagi, India dan Brunei mempunyai kepentingan dalam memastikan keselamatan laluan laut dan keselamatan maritim.

Untuk beberapa tahun lepas tambahnya, kapal tentera laut India telah mengadakan lawatan ke Brunei dan kapal dari Brunei juga telah mengambil bahagian dalam beberapa latihan bersama.

Tuan Yang Terutama menyatakan, perkara ini akan dapat mengukuhkan lagi kerjasama dalam sektor pertahanan, termasuk latihan kakitangan pertahanan dalam bidang masing-masing, di samping meneroka kerjasama lebih erat dengan Brunei dalam bidang-bidang lain yang mempunyai kepentingan bersama seperti keselamatan persisiran pantai dan persiapan menghadapi bencana dan bantuan.

“India dan Brunei bekerjasama rapat dalam beberapa isu dalam badan-badan antarabangsa, termasuk di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Komanwel. Kami menghargai kefahaman Brunei dalam peranan India dipertingkatkan di PBB dan pencalonan untuk menjadi ahli tetap Majlis Keselamatan PBB,” ujar Tuan Yang Terutama.

Jelas Tuan Yang Terutama, India dan Brunei berkongsi perspektif yang sama dalam beberapa isu global, termasuk perubahan iklim di mana India mempunyai sejarah yang panjang dengan kewujudan tradisi antara manusia dan alam semula jadi yang harmoni. Bahkan menganggap fauna dan flora sebagai sebahagian daripada keluarga mereka. Perkara ini adalah sebahagian daripada warisan yang nyata dalam gaya hidup dan amalan tradisional.

Tuan Yang Terutama seterusnya berkata, mereka menghargai sokongan yang diberikan oleh Brunei dalam menjadikan India sebagai rakan kongsi penuh dialog ASEAN dan rundingan berterusan India-ASEAN FTA.

“Ia mencerminkan kefahaman Brunei mengenai polisi India ‘Look East’ yang bertujuan untuk mengintegrasikan pelbagai hubungan India dengan ASEAN dan seterusnya,” ujarnya.

Dengan kedatangan kerajaan baru pada tahun lepas kata Tuan Yang Terutama, mereka telah meningkatkan polisi terhadap Asia Tenggara dan Asia Timur dari ‘Look East’ kepada ‘Act East’ untuk menunjukkan keazaman India dengan bergerak lebih dalam meningkatkan kerjasama dalam penyambungan dan pembinaan keupayaan serta mengukuhkan hubungan rakyat dengan negara-negara ASEAN.



ANTARA yang hadir mendengarkan ceramah khas yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Kerjasama Pendidikan Brunei-India menyediakan kepakaran profesional



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari (dua dari kiri) semasa hadir pada Ceramah Khas tersebut. Turut hadir Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (dua dari kanan); Tinbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kanan sekali) dan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz (kiri sekali).

UNIVERSITI Brunei Darussalam menganjurkan ceramah khas yang bertajuk 'India-Brunei : Rakan Kongsi Dalam Keamanan dan Kemakmuran' disampaikan oleh Naib

Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari. Ceramah berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor pada hari Rabu, 3 Februari 2016.



Terdahulu, ketibaan Tuan Yang Terutama pada majlis itu, dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz serta pegawai-pegawai kanan universiti.

ANTARA yang hadir mendengar ceramah khas yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina dalam ucapannya menjelaskan, Negara Brunei Darussalam dan India telah menikmati ikatan persahabatan yang kuat, yang mana hubungan istimewa antara kedua-dua buah negara telah diperluas dan berkembang dengan merangkumi perdagangan, kesihatan, pertahanan, pembangunan sumber manusia serta pendidikan dan penyelidikan.

“India juga telah menyumbang kepada ekonomi dan sistem pendidikan Brunei dengan menyediakan banyak kepakaran profesional,” ujarnya.

Beliau berkata, kira-kira 124 warga India bekerja dalam pelbagai institusi dan sekolah di Brunei, termasuk tujuh ahli akademik di Universiti Brunei Darussalam dan pada masa yang sama, terdapat 842 warga India sedang belajar di negara ini, di mana enam orang daripadanya adalah pelajar Universiti Brunei Darussalam sebagai pelajar sepenuh masa, empat pelajar di peringkat ijazah pertama dan dua pelajar dalam jurusan program Ph.D.

Beliau menambah, adanya juga kerjasama yang aktif di peringkat pendidikan tinggi di mana sejak tahun 2003, Brunei telah mengambil bahagian dalam latihan di bawah teknikal India dan kerjasama ekonomi yang merangkumi pelbagai bidang, seperti kewangan, perakaunan, pengauditan, alam sekitar, pembaharuan, pengurusan dan perusahaan kecil dan sederhana, di samping Universiti Brunei Darussalam mempunyai Memorandum Persefahaman yang sedia ada bersama Institut Teknologi India Delhi.

“Kita juga telah membina inisiatif usaha sama dengan International Business Machine India di bawah International Business Machine Centre, Universiti Brunei Darussalam.

International Business Machine Centre, Universiti Brunei Darussalam adalah sebuah pusat penyelidikan seni tertumpu kepada penyelidikan pemodelan iklim cuaca serantau, pembaharuan tenaga dan kesan perubahan iklim ke atas hutan, pertanian dan banjir,” ujarnya lagi.

Dalam tiga tahun kewujudannya, katanya lagi, pusat itu telah menerbitkan jurnal antarabangsa dan lapan aplikasi paten yang telah dihasilkan dan empat lagi dalam perancangan.

Beliau menyatakan, hasil daripada kerjasama antara Universiti Brunei Darussalam dan International Business Machine, kini Brunei adalah negara pertama di dunia yang mempunyai gabungan negara besar, resolusi tinggi, model pelbagai guna dan sumber asli bersepadu.

Sejak tahun 2009 tambahnya, didorong oleh program GenNext secara meluas dan trans-disiplin, semua pelajar ijazah pertama telah meninggalkan universiti pada tahun ketiga untuk menjalani pembelajaran berasaskan pengalaman. Program ini juga dikenali sebagai *Discovery Year* dan pada tahun akademik ini, 89 peratus daripada pelajar-pelajar telah ke luar negara termasuk, belajar di luar negara atau pertukaran pelajar, latihan, inkubasi atau program jangkauan masyarakat.

“UBD secara aktif mendapatkan usaha kerjasama dalam hal pendidikan,” ujarnya.

Bersama India yang dijangka menjadi ekonomi ketiga terbesar di dunia selepas 2030 katanya, mereka berharap akan terus bekerjasama bersama Institusi Pengajian Tinggi India ke arah mewujudkan hubungan yang lebih rapat dalam penyelidikan dan pengajaran.

Pada masa ini jelasnya lagi, Universiti Brunei Darussalam menawarkan Sarjana Dasar Awam dan Pengurusan, program utama Institut Kajian Dasar (IPS) di mana ia adalah program 18 bulan, iaitu 12 bulan berada di Universiti Brunei Darussalam dan semester akhir di salah satu sekolah pengajian rakan kongsi dasar di Amerika Syarikat, iaitu University of Georgetown, Duke University, University of Maryland dan University of California Berkeley.

Tambahnya, ini adalah satu program yang bertujuan untuk menyediakan platform bagi memperkaya kepimpinan dan rangkaian serantau bagi pengurusan pegawai-pegawai dari Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-18 yang mengambil bahagian termasuk India.

Lebih 200 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan, orang kenamaan, ahli-ahli sektor swasta, ahli akademik dan pelajar berpeluang hadir mendengar ceramah khas berkenaan.

Naib Presiden Republik India akhiri Lawatan Rasmi

NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini pada hari Rabu, 3 Februari 2016 setelah menamatkan Lawatan Rasmi selama tiga hari.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring dan isteri.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan isteri semasa mengucapkan selamat berlepas balik kepada Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari.



NAIB Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Hamid Ansari dan isteri, Puan Salma Ansari melambaikan tangan sejeurus menaiki pesawat khas.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Nor bin Haji Jeludin dan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib Bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof.

Juga hadir bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik India yang baharu ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nagma Mohamed Mallick.

Negara Brunei Darussalam dan Republik India mempunyai dan menikmati hubungan dua hala yang baik lagi mesra sejak sekian lama dan telah sama-sama meneroka pelbagai peluang termasuk kerjasama dalam industri pertahanan, keselamatan maritim dan latihan.

Persahabatan dan kerjasama yang telah dinikmati oleh kedua-dua buah negara sentiasa diperkukuhkan lagi, baik di peringkat dua hala mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.

TETAMU NEGARA

**PRESIDEN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM,
TUAN YANG TERUTAMA TRAN DAI QUANG
DAN ISTERI PUAN NGUYEN THI HIEN
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
26 - 28 OGOS 2016**

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Presiden Republik Sosialis Viet Nam tiba bagi Lawatan Negara	35
Berkenan menerima mengadap Presiden Republik Sosialis Viet Nam	36 - 42
Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan perjumpaan dua hala	43
Negara Brunei Darussalm, Republik Sosialis Viet Nam kukuhkan keamanan, kestabilan, kemakmuran serantau	44 - 46
Brunei-Viet Nam kukuhkan hubungan ekonomi	47 - 48
Presiden Republik Sosialis Viet Nam lawat SPARK, Brunei LNG	49 - 50
Keunikan Kampong Ayer tarik perhatian isteri Presiden Republik Sosialis Viet Nam	51 - 52
Brunei-Viet Nam galakkan kerjasama bidang kebudayaan	53 - 54
Berkenan beramah mesra bersama Tuan Yang Terutama dan isteri	55 - 57
Majlis Santap Negara raikan Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri	58 - 61
Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam	62 - 64
Speech at State Banquet Hosted By His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam In Honour of His Excellency Tran Dai Quang President of The Socialist Republic of Viet Nam	65 - 66
Tuan Yang Terutama lawat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja	67 - 68
MoU Kerjasama Ekonomi, Perdagangan ditandatangani	69 - 70
Perdagangan dua hala Brunei-Viet Nam meningkat	71 - 72
Brunei destinasi pelaburan, perniagaan	73 - 74
Lawatan Negara membuahkan hasil	75 - 76

Presiden Republik Sosialis Viet Nam tiba bagi Lawatan Negara

PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama tiga hari bermula pada hari Jumaat, 26 Ogos 2016.

Hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Tuan Yang Terutama turut mengetuai rombongan seramai 147 orang termasuk rombongan perniagaan.

Sejak termeterai hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam pada 29 Februari 1992, persahabatan mesra dan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua buah negara terus berkembang maju terutama dalam bidang politik.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring hadir mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama tiga hari.

Berkenan menerima mengadap Presiden Republik Sosialis Viet Nam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama dan isteri diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.

Sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan semasa kedua pemimpin memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari Batalion Pertama, Tentera Darat Diraja Brunei.

Sebagai tanda mengalu-alukan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan menyampaikan sejambak bunga kepada isteri Tuan Yang Terutama.



KEBAWAHDuli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bersama-sama dengan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari Batalion Pertama, Tentera Darat Diraja Brunei.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dikenalkan kepada Pembesar-pembesar Negara dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei serta isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan disembahkan kepada ahli-ahli rombongan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan Puan Nguyen Thi Hien kemudiannya dikenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; Pembesar-pembesar Negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam serta Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama isteri.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan disembahkan kepada ahli-ahli rombongan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.


Rombongan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam termasuk Pengerusi di Pejabat Presiden, Tuan Yang Terutama Dao Viet Trung; Menteri Perancangan dan Pelaburan, Tuan Yang Terutama Nguyen Chi Dung; Menteri Industri dan Perdagangan, Tuan Yang Terutama Tran Tuan Anh; Menteri Pendidikan dan Latihan, Tuan Yang Terutama Phung Xuan Nha; dan Timbalan-timbalan Menteri serta pegawai-pegawai kanan dari Republik Sosialis Viet Nam.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel bersalaman dengan Tuan Yang Terutama sebagai tanda mengalu-alukan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri ke Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu, Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Mateen; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Juga hadir di majlis tersebut termasuk Pengerusi di Pejabat Presiden, Tuan Yang Terutama Dao Viet Trung; Menteri Perancangan dan Pelaburan, Tuan Yang Terutama Nguyen Chi Dung; Menteri Industri dan Perdagangan, Tuan Yang Terutama Tran Tuan Anh; Menteri Pendidikan dan Latihan, Tuan Yang Terutama Phung Xuan Nha; Timbalan-timbalan Menteri Republik Sosialis Viet Nam dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nguyen Truong Giang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah semasa berangkat ke Majlis Menerima Mengadap tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berangkat pada Majlis Menerima Mengadap di Cheradi Laila Kenchana.



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah dan paduka-paduka anakanda serta adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas dan bawah).



Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan perjumpaan dua hala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Berangkat sama menghadiri majlis perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir pada majlis perjumpaan tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; dan Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Semasa majlis perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Majlis perjumpaan tersebut telah berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

Negara Brunei Darussalam, Republik Sosialis Viet Nam kukuhkan keamanan, kestabilan, kemakmuran serantau



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang mengesahkan komitmen untuk mengukuhkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini, termasuk memajukan usaha pembangunan Komuniti ASEAN melalui pelaksanaan penuh dan berkesan dalam Wawasan Komuniti ASEAN 2025, yang mana kedua-dua pihak menekankan kepentingan resolusi aman tentang pertikaian di rantau ini.

Perkara itu terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Majlis Perjumpaan Dua Hala di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman, pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut kedua-dua pemimpin mengalu-alukan kerjasama dalam Buruh dan berharap untuk rundingan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Kerjasama Buruh.

Kedua-dua pemimpin juga mengiktiraf peranan yang penting dalam pertukaran rakyat dengan rakyat dan mengalu-alukan perjanjian MoU dalam Kerjasama Pendidikan pada bulan April 2014 dan MoU di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan Universiti FPT, Republik Sosialis Viet Nam pada bulan Julai 2013.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam merakamkan penghargaan kepada Viet Nam dalam penyertaan berterusannya dalam Program Pengayaan Bahasa Inggeris Brunei - US untuk ASEAN.



BERANGKAT sama menghadiri Majlis Perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Kedua-dua pemimpin juga amat menghargai hubungan di antara kedua-dua buah negara dan mengalu-alukan semula penerbangan terus di antara Bandar Seri Begawan dan Ho Chi Minh pada bulan Oktober 2014 terutamanya dalam menggalakkan lagi hubungan erat di antara rakyat Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam, yang mana kedua-dua pihak juga berharap untuk Menandatangani Perjanjian Pengangkutan Maritim.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama turut mengalu-alukan perjanjian MoU mengenai kerjasama kebudayaan dan melahirkan harapan bahawa ini akan menyumbang secara positif kepada pemahaman yang lebih mendalam dan menghargai warisan dan budaya kedua-dua negara.

Di samping itu, kedua-dua pemimpin juga melahirkan rasa puas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam pertahanan di bawah MoU di antara Tentera Laut Diraja Brunei dan Tentera Laut Rakyat Viet Nam dalam Kerjasama Dua Hala yang dimeterai pada Disember 2013.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan penghargaan atas sokongan berterusan Viet Nam pada Tatu Antarabangsa Brunei, dan Acara Menembak Antarabangsa Brunei (BISAM), di mana pada peringkat serantau, baginda melahirkan penghargaan dalam penyertaan Viet Nam pada Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM)-Plus Keselamatan Maritim dan Latihan Pencegahan Keganasan pada 2 - 12 Mei 2016 di Bandar Seri Begawan dan Republik Singapura, yang mana kedua-dua belah pihak bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama di antara angkatan tentera mereka, terutamanya tentera laut dan latihan bagi anggota tentera masing-masing.

Dalam pada itu, Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang mengambil maklum peranan aktif Negara Brunei Darussalam dalam hal ehwal serantau dan melahirkan penghargaan terhadap kepimpinan baginda serta sumbangan berharga untuk ASEAN.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut itu juga kedua-dua pemimpin negara bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya dan secara berkesan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak di Laut China Selatan (*Declaration of Conduct*) dan bekerjasama rapat ke arah keputusan awal Kod Tatalaku (*Code of Conduct*), yang mana kedua-dua pihak kerajaan juga turut menegaskan kepentingan peranan utama ASEAN dalam bidang seni bina keselamatan serantau.

Kedua-dua pemimpin terus mengulangi komitmen mereka untuk meningkatkan perundingan dalam bidang-bidang kepentingan bersama dalam forum serantau dan antarabangsa yang lain seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Kedua-dua pemimpin menyambut baik pengukuhan hubungan ekonomi di rantau ini, khususnya melalui pemeteraian Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) pada 4 Februari 2016 dan berharap untuk pengesahan TPP oleh semua pihak pada masa akan datang.

Dalam Kenyataan Bersama ini juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyatakan negara ini memberi sokongan penuh kepada Viet Nam untuk mempengerusikan APEC Viet Nam pada 2017 dan berharap kerajaan dan rakyat Viet Nam membuat persediaan yang terbaik.

Tuan Yang Terutama melahirkan penghargaan atas sambutan baik dan layanan mesra yang diberikan kepada beliau dan rombongan dan berharap dapat mengalu-alukan kedatangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja untuk melawat Viet Nam dalam masa terdekat.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan rombongan adalah dalam rangka Lawatan Negara tiga hari ke negara ini.

Brunei-Viet Nam kukuhkan hubungan ekonomi

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang melahirkan kegembiraan pada kemajuan yang baik dalam mengukuhkan kerjasama dua hala sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 29 Februari 1992.

Lawatan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang selama tiga hari ke negara ini menunjukkan hubungan persahabatan yang erat di antara kedua-dua negara dan rakyat, dan menekankan semangat Kenyataan Bersama pada tahun 2012.

Dalam lawatan itu, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama dalam suasana yang mesra.

Kedua-dua pemimpin berharap agar ulang tahun ke-25 memperingati hubungan diplomatik pada tahun 2017 dengan aktiviti-aktiviti memperdalam pemahaman bersama dan hubungan rakyat dengan rakyat akan dapat diteruskan.

Dalam kenyataan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengucapkan tahniah kepada rakyat Viet Nam atas pencapaian mereka melalui Pelan Pembangunan Sosioekonomi seperti yang dibayangkan di dalam polisi 'Doi Moi'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan keyakinan bahawa di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama, Viet Nam akan mencapai sasaran untuk menjadi sebuah negara perindustrian pada tahun 2020.

Tuan Yang Terutama turut mengulas usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam melaksanakan pelbagai pelan strategik ke arah mencapai matlamat 'Wawasan Brunei 2035' yang bertujuan untuk menjadikan Brunei Darussalam diiktiraf secara meluas ke arah pencapaian negara yang mempunyai rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang tinggi dan ekonomi yang dinamik serta mapan.

Kedua-dua pemimpin menyambut baik interaksi meningkat di semua peringkat dan bersetuju untuk mengukuhkan mekanisme perundingan dua hala yang sedia ada.

Dalam hal ini, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk melaksanakan awal Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (*Joint Commission Meeting* - JCM) untuk terus memperluaskan kerjasama di antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan tersebut, kedua-dua pemimpin mengakui aspirasi yang sama dalam mengejar kepelbagaian ekonomi dan mengiktiraf peranan sektor swasta bagi meningkatkan daya saing selain meneruskan perkongsian amalan terbaik bersama untuk mengenal pasti bidang kerjasama yang berpotensi.

Kedua-dua pemimpin turut menekankan kepentingan dalam meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam perdagangan dan pelaburan terutamanya tenaga, pertanian dan perikanan, pendidikan, tenaga kerja, perkhidmatan udara, pertukaran rakyat dengan rakyat dan pertahanan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang pada Majlis Perjumpaan Dua Hala.

Kata kenyataan itu, kedua-dua pihak juga berharap untuk meneroka kerjasama dalam bidang jenayah rentas sempadan, ekstradisi dan pemindahan orang dihukum.

Kedua-dua pemimpin juga menegaskan komitmen mereka untuk mengukuhkan hubungan ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dengan Viet Nam dengan objektif untuk mencapai sasaran perdagangan dua hala sebanyak AS500 juta pada tahun 2025 dan memudahkan peluang perniagaan dan pelaburan yang lebih besar di antara kedua-dua negara.

Oleh itu, kedua-dua pihak menyambut baik pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Industri dan Perdagangan Viet Nam dalam menyokong usaha untuk mencapai sasaran perdagangan dua hala.

Kedua-dua pihak yakin bahawa MoU itu juga melanjutkan tujuan Perjanjian Perdagangan di antara Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ditandatangani pada 12 November 2001.

Dalam pada itu, kedua-dua pemimpin menggalakkan kepentingan kerjasama tenaga dan turut berpuas hati dengan kerjasama tenaga di antara Brunei National Petroleum Company Sendirian Berhad (Petroleum Brunei) dengan Kumpulan Minyak dan Gas Viet Nam (PetroVietnam) serta mengalu-alukan penyiapan platform Maharaja Lela Selatan baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu lagi, kedua-dua pemimpin menyatakan kemajuan yang dicapai dalam melaksanakan MoU mengenai Kerjasama Pertanian dan Perikanan ditandatangani pada Mei 2013.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan penghargaan untuk bertukar-tukar kepakaran mengenai pengeluaran padi dan tanaman lain dan bersetuju untuk mempertimbangkan lanjutan pelaburan. Persetujuan juga dilakukan oleh kedua-dua pemimpin untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan pembangunan dalam sektor perikanan dan kepentingan mengadakan pertukaran dan persefahaman di antara kedua-dua negara.

Presiden Republik Sosialis Viet Nam lawat SPARK, Brunei LNG

PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan rombongan meninjau lebih dekat operasi dan diberi taklimat mengenai perkembangan Brunei LNG dan pencapaian syarikat tersebut yang diadakan di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), Lumut pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Ketibaan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan rombongan ke SPARK telah dialu-alukan oleh Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Pemangku Pengarah Urusan Brunei BLNG, Mohd Suwarso Mudjono dan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Awang Haji Kamaluddin bin Haji Bungsu.

Projek Brunei LNG terus mengekalkan reputasi yang terbaik di dunia dan pada tahun 2014, sebagai projek terbaik dari aspek '*Operation Excellence*'.

Sebelum melawat ke Loji Brunei LNG, Tuan Yang Terutama dan rombongan mendengar taklimat ringkas mengenai industri gas khususnya mengenai projek Brunei LNG dan juga mengenai aspirasi Kerajaan Brunei untuk pembangunan industri *downstream* di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat juga menyentuh mengenai usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada memperkembangkan penyertaan perusahaan-perusahaan tempatan di dalam industri tenaga.

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Sejak termeterai hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Sosialis Viet Nam pada 29 Februari 1992, persahabatan mesra dan kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua buah negara terus berkembang maju yang meliputi bidang perdagangan, pertahanan, pelancongan, kesihatan, kebudayaan dan pendidikan.

Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan rombongan akan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Brunei, menghadiri Forum Perniagaan Negara Brunei Darussalam - Viet Nam dan akan mengadakan lawatan ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.



***LAWATAN** Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang (tujuh, kanan) dan rombongan ke Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad ketika bergambar ramai.*



***PRESIDEN** Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang (tiga, kanan) dan rombongan ketika mendengarkan taklimat ringkas mengenai industri gas khususnya mengenai projek Brunei LNG.*

Keunikan Kampong Ayer tarik perhatian isteri Presiden Republik Sosialis Viet Nam

SEJARAH kewujudan Kampong Ayer menjadikannya salah satu aset utama negara yang unik dan daya tarikan bagi para pelancong yang membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam.

Keunikan Kampong Ayer turut menarik perhatian isteri Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Puan Nguyen Thi Hien yang membuat lawatan menyusur Sungai Brunei, pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Ketibaan Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan di jeti Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohamad.

Turut mengalu-alukan ketibaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan isteri; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali dan isteri; dan Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar dan isteri; serta Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri.

Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan mula-mula membuat lawatan ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan seterusnya meninjau ke Rumah Skim Penyusunan Kampong Ayer Baharu, iaitu Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer.

Mengalu-alukan ketibaan Puan Nguyen Thi Hien ialah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim dan isteri; dan Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang.

Semasa lawatan tersebut, Puan Nguyen Thi Hien telah menyaksikan aktiviti-aktiviti persembahan termasuk acara bermukun, acara hadrah dan memasak kuih-kuih tradisional seperti penyaram dan menumpah ambuyat bertempat di tiga buah rumah yang berdekatan dengan rumah Ketua Kampung Lurong Sikuna.

Pada akhir lawatan, Puan Nguyen Thi Hien telah menyaksikan salah satu daripada acara tradisional perkahwinan Melayu Brunei, iaitu Berbedak Malam di rumah Ketua Kampung Lurong Sikuna.

Sebagai tanda kenangan kepada Puan Nguyen Thi Hien, pemberian bunga telur telah disampaikan oleh Ketua Kampung Lurong Sikuna hasil produk Kampung Sungai Bunga, iaitu Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Mengiringi Puan Nguyen Thi Hien semasa lawatan tersebut ialah isteri Menteri Pendidikan selaku Menteri Pengiring, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.



ISTERI Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Puan Nguyen Thi Hien (empat, kanan) bergambar kenangan bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kanan) dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Mohamad (enam, kiri) semasa mengadakan lawatan menyusur Sungai Brunei.



ISTERI Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Puan Nguyen Thi Hien (tengah) dan rombongan mula-mula membuat lawatan ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer dan seterusnya meninjau ke Rumah Skim Penyusunan Kampong Ayer Baharu, iaitu Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer.

Brunei-Viet Nam galakkan kerjasama bidang kebudayaan

KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama kebudayaan.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ditandatangani oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, manakala wakil pihak Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam ditandatangani oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam, Mr. Vuong Duy.

Hadir menyaksikan majlis penandatanganan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pengerusi di Pejabat Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Mr. Dao Viet Trung.

Majlis penandatanganan yang diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah sempena Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang ke Negara Brunei Darussalam bermula 26 hingga 28 Ogos ini.

Memorandum Persefahaman ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang kebudayaan dan kesenian di antara kedua-dua negara.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan termasuk pertukaran lawatan bagi pegawai masing-masing dan para pakar; pertukaran bahan dan maklumat; mempromosikan budaya dan seni dan penyertaan dalam dialog budaya, persidangan, seminar dan pameran.

Melalui penandatanganan MoU tersebut, kedua belah pihak bersetuju untuk terus meningkatkan, mengukuhkan, memudah cara, menggalakkan dan mewujudkan kerjasama dalam bidang kebudayaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pengerusi di Pejabat Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Mr. Dao Viet Trung menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama kebudayaan.



MENANDATANGANI Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kerjasama kebudayaan bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, manakala wakil pihak Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam ditandatangani oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Republik Sosialis Viet Nam, Mr. Vuong Duy.

Berkenan beramah mesra bersama Tuan Yang Terutama dan isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan beramah mesra bersama Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien sebelum berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.



JUGA berangkat ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan cenderahati kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien dan seterusnya menerima pesambah daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar ramai sejurus sebelum berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien. Berangkat sama ke Majlis Santap Negara yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Majlis Santap Negara raikan Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan isteri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan, pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.

Berangkat sama ke Majlis Santap Negara yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Sebelum Majlis Santap Negara dimulakan, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Bacaan doa telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah dan disusuli dengan ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Sosialis Viet Nam.

Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri berada di negara ini dalam rangka Lawatan Negara selama tiga hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan. Berangkat sama ke Majlis Santap Negara yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan.



JUGA berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.



JUGA berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

**Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam
at a Banquet in Honour of The State Visit of His Excellency Tran Dai Quang
President of the Socialist Republic of Viet Nam,
on Saturday, 27th August 2016 at Istana Nurul Iman.**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil ‘Aalameen, Wabihee Nasta’eenu ‘Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu
Wassalaamu ‘Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa’ala ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een,
Waba’du.

Your Excellency President Tran Dai Quang (Chan Die Kuang),

Madame Nguyen Thi Hien (Nguuyen Tit Hean),

Your Excellencies,

Ladies and Gentlemen.

It is a pleasure to welcome you and Madame on your first visit to Brunei Darussalam.

I would like to begin by congratulating you on your recent appointment as President of the Socialist Republic of Viet Nam.

We also extend our warmest congratulations to your Government and people, on the upcoming 71st National Day of the Socialist Republic of Viet Nam and wish you a very happy celebration next month.

Over the years, Viet Nam has enjoyed political stability and economic progress through your Government’s Socio-Economic Development Plans since the inception of the “Doi Moi” policy in the 1980s.

I am confident that under your leadership, Viet Nam will achieve its aim to become an industrialised country by 2020 and continue to improve the livelihoods of your people.

The achievements of Viet Nam and its people are an inspiration to Brunei Darussalam as we pursue our own “Wawasan 2035”.

Mr. President,

Your visit signifies an important chapter as we reach the 25th Anniversary of our Diplomatic Relations next year.

Our long-standing relations are demonstrated in the practical cooperation we have in energy, agriculture and fisheries, education, labour, defence and people-to-people exchanges.

On energy, we appreciate Viet Nam’s involvement in our offshore platform and welcome your interest to build on the existing ties by collaborating on future joint-projects.

The direct air linkages with Ho Chi Minh City have made it easier for our peoples to visit one another.

We warmly appreciate the contributions of your nationals in the development of our country, notably the teachers, workers as well as experts in agriculture and fisheries.

The growing exchanges between our students under the Universiti Brunei Darussalam Discovery Year have helped to ensure that the friendship we share will pass down to our future generations.

I believe the recent signing of the M.O.U on Cultural Cooperation will instill deeper understanding and appreciation of both countries’ heritage and culture.

Mr. President,

On the regional front, we will continue to work closely together to enhance overall peace, prosperity and progress.

We are faced with numerous challenges and it is important that we stand united as ASEAN in safeguarding the political and economic stability of our region.

Our achievements in ASEAN have laid a strong foundation to strengthen our partnership in the Asia-Pacific region.

We look forward to closer engagements in the Trans-Pacific Partnership (T.P.P) as well as the timely conclusion of the Regional Comprehensive Economic Partnership (R.C.E.P).

I would also like to take this opportunity to extend our full support to Viet Nam's Chairmanship for APEC in 2017 and we wish you and your Government the very best in all of your preparations.

Mr. President,

My Government and people join me in wishing you continued success and we look forward to strengthening the long-standing ties that link us in goodwill and common purpose.

They also join me in thanking you and Madame for honouring us with your visit and we wish you an enjoyable stay.

Thank you.

Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Speech at State Banquet hosted by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'IZZaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in Honour of His Excellency Tran Dai Quang President of the Socialist Republic of Viet Nam at Istana Nurul Iman, on 27th August 2016.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang ketika memberikan ucapan balas pada Majlis Santap Negara.

Your Majesties the Sultan and the Queen Consort of Brunei Darussalam,

Ladies and Gentlemen,

It is indeed a great honor for me to visit the beautiful country of Brunei Darussalam the “Green Pearl of Southeast Asia” in the capacity as President of the Socialist Republic of Viet Nam. I would like, once again, to express sincere gratitude to Your Majesties the Sultan and the Queen for your warm welcome and gracious hospitality extended to me, my wife and the delegation of Viet Nam. The friendliness of the people of Brunei Darussalam makes me and my delegation feel like home.

Your Majesties,

The “Wawasan Brunei 2035” envisioned by Your Majesty has turned Brunei to one of the best countries in the world with high quality of life and ideal social welfare policies. The serenity and brilliant smiles of Bruneians are the most vivid illustration of the success, well-being and prosperity of Brunei Darussalam under the enlightened reign of Your Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah.

I am delighted to note that the friendship and multi-faceted cooperation between Viet Nam and Brunei Darussalam have been flourishing over the years. In 1995, Viet Nam became a member of ASEAN a great milestone in the history of our nation with the accession ceremony held in Brunei Darussalam. Since then, the relationship between our two countries has grown from strength to strength. Political ties have been cemented with regular exchange of high-level visits and meetings. Cooperation in trade, investment security, defense, education and training, agriculture and fishery has been increasingly expanded with tangible outcomes. Our two countries have worked closely to maximize the strength of each country as well as our supplementary advantages in the fields of agriculture, labor, fishery, energy, oil and gas education and training.

For many Vietnamese, Brunei Darussalam the Green Pearl of Southeast Asia is no longer unfamiliar. Magnificent places such as the Royal Regalia or the Kampong Ayer water village of more than one thousand years of history are well-known attractions for tourists from all over the world including Viet Nam. In October 2014, direct flights from Bandar Seri Begawan and Ho Chi Minh City were officially launched. I am convinced that with the signing of the MoU on Cultural Cooperation and the MoU on Economic and Trade Cooperation between Viet Nam and Brunei Darussalam today, our two peoples will come closer to each other and our bilateral exchanges, especially trade and investment, will strongly move forward.

Apart from the bilateral cooperation, our two countries have also worked in close coordination at international and regional forums, especially ASEAN and the United Nations. We are working together in the joint effort to build a united and strong ASEAN Community playing a central role in the regional architecture. Our two countries also share a great deal of common interests as well as the opportunities to advance cooperation when the Trans-Pacific Partnership Agreement, of which Brunei Darussalam is a founding member, comes into effect.

In this solemn and cordial atmosphere, on behalf of the Vietnamese delegation, May I extend my best wishes for:

-The good health and happiness of Your Majesties the Sultan and the Queen Consort of Brunei Darussalam;

-The ever-growth of the friendship and cooperation between Viet Nam and Brunei Darussalam;

Once again, my wife and I have the honor to extend an invitation to Your Majesties the Sultan and the Queen to visit Viet Nam at an early date.

Thank you.

Tuan Yang Terutama lawat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja

PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien serta rombongan yang berada di negara ini telah mengadakan lawatan ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, di ibu negara, pada hari Ahad, 28 Ogos 2016.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Juga hadir, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring dan Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Semasa lawatan, Tuan Yang Terutama dan isteri diiringi oleh Pemangku Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji yang seterusnya memberikan penerangan ringkas mengenai Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

Pada lawatan tersebut, Tuan Yang Terutama menyaksikan Pameran Alat-Alat Kebesaran Diraja (Perpuspaan 1968), Galeri Pameran Diraja dan Galeri Pameran Jubli Perak.

Tuan Yang Terutama dan isteri serta rombongan juga berkesempatan melihat secara lebih dekat sebahagian besar alat-alat dan perhiasan diraja yang diwarisi sejak turun-temurun dan zaman-berzaman sebagai lambang kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Pada lawatan itu, Tuan Yang Terutama juga menandatangani buku lawatan dan menyertai sesi bergambar ramai.

Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dibuka rasmi pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Reka bentuk Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja dan telah menjadi salah satu mercu tanda di Bandar Seri Begawan.

Antara atur cara lawatan selama tiga hari termasuk mengadakan lawatan ke SPARK, Brunei LNG dan menyusuri Perairan Sungai Brunei menikmati keunikan Kampong Ayer.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien menerima penerangan ringkas mengenai pameran di Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja daripada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien menyaksikan alat-alat dan perhiasan diraja Brunei yang diwarisi turun-temurun.

MoU Kerjasama Ekonomi, Perdagangan ditandatangani

KEMENTERIAN Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Republik Sosialis Viet Nam, mencipta satu lagi sejarah dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan.

Pada majlis yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, pada hari Ahad, 28 Ogos 2016 menandatangani memorandum bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng manakala wakil dari pihak Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Republik Sosialis Viet Nam ditandatangani oleh Menteri Perindustrian dan Perdagangan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Tuan Anh.

Majlis penandatanganan MoU tersebut disaksikan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang.

Dengan adanya MoU tersebut akan dapat meningkatkan lagi usaha-usaha kerjasama dua hala di dalam bidang ekonomi dan perdagangan yang telah mula dilaksanakan melalui Perjanjian Perdagangan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam yang telah ditandatangani pada 12 November 2011.

Penandatanganan memorandum tersebut diadakan bersempena Lawatan Negara Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum penandatanganan MoU, Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang menghadiri sarapan pagi yang dihoskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar bertempat di Meeting Room 123, The Empire Hotel and Country Club.

Turut hadir Menteri Pendidikan selaku Menteri Pengiring, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Republik Sosialis Viet Nam ditandatangani oleh Menteri Industri dan Perdagangan Vietnam, Tuan Yang Terutama Tran Tuan Anh dan disaksikan oleh Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa 'Breakfast Meeting with Brunei Business Community'.

Perdagangan dua hala Brunei-Viet Nam meningkat

MENURUT statistik Kastam Viet Nam (*Viet Nam Customs*), perdagangan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam dari tahun 2010 hingga 2015 telah meningkat tiga kali ganda dari USD24 juta ke USD74 juta.

Statistik tersebut sangat menggalakkan, tetapi belum lagi mencapai potensi sepenuhnya di antara Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Perindustrian dan Perdagangan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Tuan Anh menjelaskan semasa Majlis Forum Perdagangan Brunei Darussalam - Viet Nam, yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, pada hari Ahad, 28 Ogos 2016.

Menurutnya, eksport utama Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam adalah beras dan makanan laut, manakala komoditi eksport negara ini ke Viet Nam ialah minyak mentah dan kimia.

Jelas beliau, Brunei, dengan 205 projek berjumlah modal sebanyak \$2.2 bilion, telah membuat pelaburan ke-10 subsektor di Viet Nam dalam pembuatan dan pemprosesan, hartanah, pembinaan, pemborongan dan peruncitan, manakala Viet Nam hanya mempunyai satu projek di Brunei dalam sektor perkhidmatan dengan pelaburan yang terhad.

Kerajaan Viet Nam, ujar beliau, sentiasa konsisten dalam melaksanakan polisi-polisi dengan tujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang stabil, sihat dan mudah bagi warga dan peniaga.

Perdana Menteri Nguyen Xuan Puc, tambah beliau, telah menetapkan matlamat dengan membina kerajaan yang lebih kreatif, berkebolehan, efisien dan berintegriti.

“Tugas-tugas utama bagi mencapai matlamat berkenaan termasuk memperbaharui prosedur pentadbiran dan membuang halangan perniagaan sejajar dengan undang-undang baharu dalam pelaburan bagi membantu Viet Nam mewujudkan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang terbuka, telus dan dapat diramal,” jelasnya.

Katanya, selepas 30 tahun pembaharuan, Viet Nam telah meningkatkan daya saing, penghasilan dan kapasiti eksport, dan perusahaan-perusahaan mengambil peluang daripada persepaduan dan liberalisasi perdagangan untuk mengeksport ke luar negara.

“Perkara yang perlu dilaksanakan bagi kepentingan kedua buah negara dalam meningkatkan lagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan (antaranya) ialah kerajaan, iaitu pihak-pihak berkenaan perlu mengangkat dan menyekat halangan perdagangan termasuk dalam prosedur pentadbiran, kastam dan piawaian bagi memudahkan lagi pergerakan bebas barang-barang di antara Viet Nam dan Brunei,” jelas beliau.

Kedua-dua negara tambah beliau, hendaklah menggalakkan kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur melalui *Public-Private Partnership* (PPP).

Kedua belah pihak juga jelasnya, perlu mengukuhkan perkongsian pengalaman dan kerjasama, pembinaan jenama dan pemindahan teknologi terutama dalam eksplorasi serta eksploitasi minyak dan gas, pertanian dan makanan halal.

Bagi perniagaan kata beliau, kedua belah pihak hendaklah bekerjasama bagi pembangunan rangkaian nilai serantau termasuk dalam bidang minyak dan gas, tekstil dan kasut.

Katanya, mengamalkan kaedah inovatif urus tadbir korporat serta meningkatkan aplikasi sains dan teknologi, kualiti produk dan promosi jenama.



PRESIDEN Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menghadiri Forum Perdagangan Brunei Darussalam - Viet Nam.

Brunei destinasi pelaburan, perniagaan



MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa menyampaikan pembentangan mengenai 'Pelaburan di Negara Brunei Darussalam'.

FORUM Perniagaan Brunei Darussalam - Viet Nam adalah langkah pertama bagi memahami peluang-peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam dan Viet Nam. Dalam pembentangan di forum tersebut telah menjelaskan mengenai Brunei Darussalam merupakan destinasi yang sangat baik bagi pelaburan dan perniagaan.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan perkara itu pada Forum Perniagaan tersebut yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, Jerudong, pada hari Ahad, 28 Ogos 2016.

Menurut Yang Berhormat, wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menekankan tentang keperluan Brunei untuk menjadi negara yang *pro-business* dan ke arah itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berusaha keras bagi memastikan Brunei dapat memenuhi wawasan tersebut.

“Seperti Viet Nam, lokasi Brunei yang strategik menyediakan platform yang ideal ke dalam pasaran ASEAN - rantau ASEAN menduduki tempat kelima sebagai ekonomi terbesar di dunia. Brunei mempunyai sambungan (*connectivity*) yang baik, iaitu laut melalui Pelabuhan Muara - 13 buah kapal ke 15 buah pelabuhan di Asia. Eksport melalui kapal dari Pelabuhan Muara ke Da Nang memakan masa selama dua hari. Potensi yang lebih bagi eksport dari Brunei ke Viet Nam termasuk minyak mentah Brunei memandangkan Dung Quat Refinery terletak di Selatan Da Nang. Penerbangan udara ke Singapura, Kuala Lumpur, Hong Kong, Melbourne, Dubai, London setiap hari. Royal Brunei membuat penerbangan ke Ho Chi Minh empat kali seminggu dan mengambil masa kurang dari dua jam. Internet, dihubungkan melalui tiga kabel kapal selam utama (hanya digunakan 20 peratus),” ujar Yang Berhormat.

Antara lain jelas Yang Berhormat, Brunei merupakan ahli ASEAN, APEC, TPP, WTO dan BIMP-EAGA. Oleh itu, Brunei mempunyai akses yang berdaya saing ke pasaran utama melalui perjanjian di bawah mekanisme ini.

Mengenai dengan Cukai dan Perkongsian Pelaburan Bersama, tambah Yang Berhormat, tiada cukai ke atas pendapatan peribadi, gaji, barangan dan perkhidmatan, keuntungan modal dan pembuatan (*manufacturing*). Cukai berkaitan perniagaan yang perlu dibayar hanyalah 18.5 peratus, iaitu Cukai Pendapatan Korporat (*Corporate Income Tax*) dan Alternatif bagi pelaburan bersama di bawah naungan Kementerian Kewangan melalui dana Modal Pembangunan Strategik (SDC) dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs).

Katanya, persekitaran perniagaan yang mesra dan menyokong seperti menjalankan perniagaan di Brunei telah menjadi lebih mudah, cepat dan efisien. Kerajaan terus mencari jalan untuk meningkatkan lagi

persekitaran perniagaan dengan dorongan yang kuat ke arah meningkatkan dan memudahcarakan Perniagaan (*Ease of Doing Business*).

Menurutnya, ini adalah dorongan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan undang-undang Brunei adalah *pro-business* dan pro-pelaburan, termasuk undang-undang Harta Intelek yang menyeluruh, yang memastikan IPR pada pelaburan-pelaburan dan inovasi-inovasi dilindungi di seluruh dunia serta menyediakan Pusat Sokongan Perniagaan (*Business Support Centre*) di bawah Darussalam Enterprise dengan 15 agensi kerajaan berbeza ditempatkan di bawah satu bumbung bagi meningkatkan dan memastikan kecekapan dalam proses dan kelulusan.

“Kelompok Keutamaan (*Priority Cluster*), memfokuskan kepada lima kelompok keutamaan - di mana Brunei dapat mewujudkan satu bidang (*niche*) berdasarkan kekuatan akan keunikan Brunei sebagai sebuah Negara Halal. Termasuk sektor makanan dan farmasi dengan syarikat-syarikat seperti Ghanim dan Simpor Pharma; Perkhidmatan Perniagaan, termasuk pembangunan industri perkhidmatan logistik yang mantap bagi mendukung FDI dan MSMEs; Inovatif, Teknologi dan Kreatif, termasuk promosi keusahawanan dalam ICT bagi membangunkan ekonomi digital Brunei; Pelancongan, bagi memanfaatkan potensi eko-pelancongan Brunei; dan Minyak dan Gas, bagi memanfaatkan kekuatan ekonomi Brunei pada masa ini, iaitu di sektor minyak dan gas.”

Yang Berhormat menjelaskan, proses kelulusan seperti Jawatankuasa Pandu yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia awal tahun ini dengan objektif bagi mengkaji semula cadangan FDI secara efektif dan efisien.

Ujarnya, Pusat Sokongan Tindakan FDI (*FDI Action Support Centre*) akan dibawa ke Jawatankuasa Pandu FDI untuk dibincangkan dan diluluskan.

Setakat ini, jelas Yang Berhormat, beberapa projek FDI dalam perancangan termasuk Hengyi Refinery and Petrochemicals, Brunei Fertilizers Industry, Western Foods and Packaging dan Hiseaton on Aquaculture.

“Peluang bagi Makanan Halal, iaitu peluang perniagaan wujud sepanjang rantai pembekal dalam industri makanan halal, kerajaan dalam proses membangunkan satu strategi makanan bagi Brunei Darussalam yang menumpukan pada memanfaatkan rangkaian dan keupayaan Ghanim International Corporation, syarikat makanan komersial dan pengedaran milik kerajaan,” jelasnya.

Farmaseutikal Halal ujar Yang Berhormat, peluang lebih banyak dan dapat diperluaskan termasuk pembuatan gelatin, pembuatan bahan pencuci, pengurusan sisa kimia, pembungkusan dan pembotolan serta makmal ujian yang diiktiraf dan juga Brunei mempunyai syarikat-syarikat berjaya seperti Simpor Pharma yang menghasilkan farmaseutikal halal untuk pasaran halal global, terdapat permintaan farmaseutikal halal dari China, Rusia dan Timur Tengah.

Industri Teknologi dan Kreatif tambah Yang Berhormat, seperti industri-industri yang sedia ada termasuk pembekal perkhidmatan dalam bidang telekomunikasi, pendidikan dan pengetahuan. Industri ini menawarkan peluang untuk diperluaskan ke bahagian yang memanfaatkan kapasiti jalur lebar dan sumber manusia yang berlebihan termasuk pusat-pusat data, sekolah-sekolah penerbangan, pemaju multimedia dan aktiviti-aktiviti R & D.

Industri Hiliran, Minyak dan Gas, ujar Yang Berhormat, iaitu industri sedia ada menawarkan peluang bagi pelabur untuk menggunakan produk-produk dari industri sebagai bahan mentah kepada produk-produk lain, mengembangkan industri hiliran akan membantu Brunei dalam mempelbagaikan sektor energinya dan mengoptimalkan pembangunan derivatif hiliran dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan mengiktiraf kecekapan dan keupayaan syarikat-syarikat Viet Nam dalam industri minyak dan gas yang terbukti dari hasil kerja PTSC Mechanical & Construction untuk EpCC contact dengan Total di Brunei bagi Maharaja Lela South (MLS) Jacket. PTSC telah menunjukkan contoh sebagai kontraktor asing dengan membukakan peluang lebih luas dalam penglibatan syarikat-syarikat dan tenaga kerja tempatan. Projek ini adalah model pilihan bagi kerjasama di antara syarikat-syarikat Brunei Darussalam dan Viet Nam di masa akan datang.

“Syarikat-syarikat dari Viet Nam sangat dialu-alukan untuk membuat pelaburan di Brunei dalam pelbagai sektor dan berharap Forum Perniagaan yang diadakan akan membuahkan hasil dan dapat mengukuhkan perkongsian di antara syarikat-syarikat di kedua buah negara,” jelasnya.

Lawatan Negara membuahkan hasil

LAWATAN sulung negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien ke Negara Brunei Darussalam berakhir pada hari Ahad, 28 Ogos 2016.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Tuan Yang Terutama dan isteri ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Datin; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Truong Giang.

Sepanjang lawatan negara selama tiga hari itu telah membuahkan hasil bagi kepentingan kedua buah negara dengan termeterainya beberapa Perjanjian Persefahaman (MoU) dalam kerjasama ekonomi dan perdagangan serta kebudayaan.

Sejak terjalin hubungan diplomatik pada 29 Februari 1992 lalu, Brunei dan Viet Nam menunjukkan hubungan persahabatan yang erat antara kedua-dua negara dan rakyat, dan menekankan semangat Kenyataan Bersama pada tahun 2012.

Dalam lawatan itu juga, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama dalam suasana yang mesra dan berharap agar ulang tahun ke-25 memperingati hubungan diplomatik pada tahun 2017 dengan aktiviti-aktiviti memperdalam pemahaman bersama dan hubungan rakyat dengan rakyat akan dapat diteruskan.



***PRESIDEN** Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien menerima ucapan selamat berlepas daripada para pembesar negara.*



***LAWATAN** Negara Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang dan isteri, Puan Nguyen Thi Hien telah membuahkan banyak hasil dalam mengukuhkan lagi hubungan dua hala Brunei - Viet Nam.*

TETAMU NEGARA

**HIS HIGHNESS SHEIKH SABAH
AL-AHMAD AL-JABER AL-SABAH,
AMIR OF THE STATE OF KUWAIT
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
11 - 12 OKTOBER 2016**

Negara Brunei Darussalam-Kuwait eratkan hubungan	81 - 83
Kebawah Duli Yang Maha Mulia terima kunjungan muhibah Amir Kuwait	84 - 90
Brunei-Kuwait meterai dua Perjanjian, empat MoU	91 - 93
Majlis Santap Negara meraikan His Highness Amir Kuwait	94 - 96
Brunei - Kuwait luaskan kerjasama	97 - 98
His Highness Amir Kuwait akhiri Lawatan Negara	99 - 102

Negara Brunei Darussalam-Kuwait eratkan hubungan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait yang membuat Lawatan Negara ke negara ini selama dua hari bermula pada hari Selasa 11-12 Oktober 2016.

Sebaik sahaja turun dari pesawat khas, His Highness Amir of the State of Kuwait dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Amir of the State of Kuwait dan rombongan ialah anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, selaku Pengiring Kerabat Diraja.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Menteri Pengiring dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Amir of the State of Kuwait seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Amir of the State of Kuwait berangkat ke Istana Nurul Iman bagi Majlis Sambutan Rasmi Ketibaan dan Barisan Kawalan Kehormatan bagi His Highness Amir of the State of Kuwait.

Jalinan dua hala Negara Brunei Darussalam dan Kuwait sememangnya berkembang lebih erat sejak 27 tahun lalu melalui pertukaran lawatan di antara kedua buah negara.

Sejak 1 Mei 1990, hubungan persahabatan kedua buah negara terus berkembang meliputi bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait dan rombongan.



HUBUNGAN yang sentiasa akrab antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait yang membuat Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait sejeurus turun dari pesawat khas pemimpin tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia terima kunjungan muhibah Amir Kuwait

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Amir Kuwait, His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah pada hari Selasa, 11 Oktober 2016.

Semasa ketibaan di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Amir Kuwait naik ke Pentas Diraja untuk menerima tabik hormat diiringi oleh lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam dilepaskan.

His Highness Amir Kuwait kemudiannya disembahkenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; pembesar-pembesar negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan His Highness Amir Kuwait.

Rombongan His Highness Amir Kuwait termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah dan pegawai-pegawai kanan bertaraf menteri serta pegawai-pegawai daripada Kuwait.

Sejurus selepas itu, Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, selaku Pengiring Kerabat Diraja; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Juga hadir di majlis tersebut termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah; pegawai-pegawai kanan bertaraf menteri daripada Kuwait dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al Thafiri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Amir Kuwait, His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah naik ke Pentas Diraja untuk menerima tabik hormat diiringi oleh lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.



KEMESRAAN yang terjalin erat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan His Highness Amir Kuwait.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba His Highness Amir Kuwait ke Istana Nurul Iman.



BERANGKAT sama mengalu-alukan rombongan dari Negara Kuwait itu ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkenalkan kepada rombongan His Highness Amir Kuwait.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait di Istana Nurul Iman.



BERANGKAT sama ke Majlis Mengadap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik, selaku Pengiring Kerabat Diraja dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.



ROMBONGAN His Highness Amir Kuwait termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah dan pegawai-pegawai kanan bertaraf menteri serta pegawai-pegawai daripada Kuwait sama-sama hadir di Majlis Mengadap yang diadakan di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.



Brunei-Kuwait meterai dua Perjanjian, empat MoU

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan dua Perjanjian dan empat Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait pada hari Selasa, 11 Oktober 2016 yang berlangsung di Baitul Masyuarah, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, selaku Pengiring Kerabat Diraja dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Dokumen-dokumen berkenaan ditandatangani oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah bagi pihak Kerajaan State of Kuwait.

Dua Perjanjian tersebut terdiri dari Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait di dalam Bidang Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Sainifik; serta Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait di dalam Kerjasama Pelancongan.

Manakala empat Memorandum Persefahaman (MoU) terdiri dari Perjanjian di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait ialah bagi Pengecualian bersama Visa untuk Pemegang Pasport Diplomatik, Khas dan Rasmi; Protokol yang Meminda Perjanjian bagi Pengelakan Cukai Berganda dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai ke atas Pendapatan; Memorandum Persefahaman bagi Penubuhan Suruhanjaya Bersama dalam Kerjasama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait; dan Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri State of Kuwait di dalam Latihan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan dua Perjanjian dan empat Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait.



HIS Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait dan rombongan menyaksikan Majlis Penandatanganan dua Perjanjian dan empat Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait.



DOKUMEN-DOKUMEN Perjanjian dan empat Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan State of Kuwait ditandatangani oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah bagi pihak Kerajaan State of Kuwait.



HADIR sama di Majlis Penandatanganan dua Perjanjian dan empat Memorandum Persefahaman (MoU) itu ialah Menteri-menteri kabinet dan Timbalan Menteri dan lain-lain pegawai kerajaan.

Majlis Santap Negara meraikan His Highness Amir Kuwait



KEMESRAAN terjalin erat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait serta rombongan pada hari Selasa, 11 Oktober 2016.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan ketibaan His Highness Amir of the State of Kuwait di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Santap Negara ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik selaku Pengiring Kerabat Diraja; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Sebelum Majlis Santap Negara dimulakan, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan.

Bacaan doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Lawatan Negara His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait serta rombongan. Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.



***BERANGKAT** sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.*



***BERANGKAT** ke Majlis Santap Negara ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Pengiring Kerabat Diraja dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.*



***ROMBONGAN** His Highness Amir Kuwait termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Sabah Khalid Al-Hamad Al-Sabah dan pegawai-pegawai kanan bertaraf menteri serta pegawai-pegawai daripada Kuwait sama-sama hadir di Majlis Santap Negara.*

Brunei - Kuwait luaskan kerjasama

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait berpuas hati dengan hubungan yang akrab dan mesra yang dikongsi antara Negara Brunei Darussalam dan State of Kuwait.

Kedua-dua ketua negara juga bersetuju untuk terus mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada dan mengesahkan usaha dalam menyokong perkembangan kerjasama sosial dan ekonomi antara kedua-dua negara dengan meneroka peluang yang saling menguntungkan seperti dalam bidang perdagangan, ekonomi dan pelaburan, minyak dan gas, pendidikan, pelancongan, teknologi maklumat, hubungan sektor swasta dan hal ehwal Islam.

Perkara itu terkandung dalam Kenyataan Bersama pada lawatan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait selama dua hari ke negara ini.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait juga berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan State of Kuwait.

Ianya merupakan MoU dalam Bidang Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Saintifik; MoU Kerjasama Pelancongan; Perjanjian Pengecualian Bersama Visa untuk Pemegang Diplomatik, Khas dan Rasmi; Protokol yang Meminda Perjanjian bagi Pengelakan Pencukaian Berganda dan Pencegahan Pelarian Fiskal Mengenai Cukai Ke Atas Pendapatan; MoU Mengenai Penubuhan Sebuah Suruhanjaya Bersama Dalam Kerjasama; dan MoU di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait di Bidang Latihan.

Kedua-dua ketua negara menyambut baik penandatanganan perjanjian dan memorandum persefahaman sebagai langkah positif ke arah meningkatkan dan mengeratkan lagi hubungan dua hala.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait mengalu-alukan peningkatan perdagangan dua hala dan membayangkan terdapat potensi besar untuk mengembangkan hubungan perdagangan dan pelaburan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negara serta mengiktiraf peranan sektor swasta dalam meningkatkan daya saing dan menekankan kepentingan perusahaan kecil dan sederhana bagi menyumbang kepada pembangunan mampan.

Dalam hal ini, ketua negara juga mengalu-alukan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ke-3 (Ekonomi dan Kerjasama Teknikal) yang akan diadakan pada 5 hingga 6 Disember 2016 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam bagi mengenal pasti dan meneroka kerjasama yang lebih mendalam terutamanya dalam perdagangan dan pelaburan.

Kedua-dua ketua negara juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa termasuk hasil Sidang Kemuncak Dialog Kerjasama Asia Ke-2 yang diadakan di Bangkok pada 9 hingga 10 Oktober 2016; serta perkembangan terkini di rantau Timur Tengah, menekankan kepentingan mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pencapaian dan keamanan yang berpanjangan bagi perjuangan rakyat Palestin serta membincangkan keadaan di Iraq, Syria dan Yaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan penghargaan kepada State of Kuwait selaku tuan rumah bagi perbincangan keamanan Yaman (Yemen peace Talks) di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu, dalam usaha untuk mencari penyelesaian politik.

Dalam Kenyataan Bersama itu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memuji State of Kuwait atas sumbangan mereka dalam bidang kemanusiaan dan penganjuran persidangan-persidangan penderma kemanusiaan bagi Syria.

Sebagai mengiktiraf peranan State of Kuwait dalam memelihara keamanan dan kestabilan antarabangsa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan sokongan Brunei Darussalam terhadap pencalonan State of Kuwait untuk menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 2018-2019.

His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait juga melahirkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas sambutan baik dan layanan mesra yang diberi kepadanya dan ahli-ahli delegasi sepanjang berada di Negara Brunei Darussalam.

His Highness Amir Kuwait akhiri Lawatan Negara

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait pada hari Rabu, 12 Oktober 2016 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Berangkat sama ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

His Highness Amir of the State of Kuwait telah diiringi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Pengiring Kerabat Diraja dari Qasr Muniq ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan His Highness Amir of the State of Kuwait seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Menteri Pengiring dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait melintasi Kawalan Statik terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Juga berangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik selaku Pengiring Kerabat Diraja.



HIS Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait bersalaman dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



HIS Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir of the State of Kuwait menerima junjung ziarah Pesuruhjaya Polis Brunei Darussalam.

TETAMU NEGARA

**PRESIDEN REPUBLIK FILIPINA,
TUAN YANG TERUTAMA
RODRIGO ROA DUTERTE
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
16-18 OKTOBER 2016**

Presiden Republik Filipina tiba bagi Lawatan Negara	107 - 108
Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Filipina bincang isu dua hala	109 - 117
Berangkat ke Majlis Santap Negara meraikan Presiden Republik Filipina	118 - 122
Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a Banquet in Honour of the State Visit of His Excellency Rodrigo Roa Duterte President of the Republic of the Philippines on 17 th October 2016 at Istana Nurul Iman	123 - 125
Presiden Republik Filipina akhiri Lawatan Negara	126 - 127

Presiden Republik Filipina tiba bagi Lawatan Negara

PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara tiga hari bermula pada hari Ahad, 16 Oktober 2016.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan seterusnya melalui tabik hormat dari Kawalan Barisan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Juga hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina sememangnya mempunyai hubungan persahabatan tradisi yang lama dan telah dikukuhkan lagi dengan termeterainya hubungan diplomatik yang dicapai pada tahun 1984.

Melalui persahabatan yang berkembang, kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang telah mencapai kemajuan yang membuahkan hasil serta faedah yang ketara bagi rakyat masing-masing, selain menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini.

Malah hubungan kedua-dua buah negara merupakan satu contoh yang baik mengenai kesaksamaan, hubungan kerjasama yang bermanfaat dan keharmonian yang diwujudkan bersama.

Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte adalah merupakan Presiden Republik Filipina yang ke-16.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring (kanan) ketika melalui tabik hormat Kawalan Barisan daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Filipina bincang isu dua hala

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte pada hari Isnin, 17 Oktober 2016.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina di Istana Nurul Iman.

Dari Istana Edinburgh menuju ke Istana Nurul Iman, Tuan Yang Terutama diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejurus tiba di pekarangan istana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama naik ke Pentas Khas untuk menerima tabik hormat diiringi oleh lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam dilepaskan.

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kehormatan yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina kemudiannya diperkenalkan kepada kerabat diraja; pembesar-pembesar negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina termasuk Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Perfecto R. Yasay Jr.; Setiausaha Kewangan, Tuan Yang Terutama Carlos G. Dominguez III; Setiausaha Pertahanan Kebangsaan, Tuan Yang Terutama Miguel Delfin N. Lorenzana; Setiausaha Perdagangan dan Industri, Tuan Yang Terutama Ramon M. Lopez; Setiausaha Pejabat Komunikasi Presiden, Tuan Yang Terutama Jose Ruperto Martin M. Andanar; Penasihat Keselamatan Kebangsaan, Tuan Yang Terutama Hermogenes C. Esperon Jr.; Penasihat Presiden mengenai Proses Damai, Tuan Yang Terutama Jesus G. Dureza; Setiausaha Suruhanjaya Kebangsaan Filipina Islam, Puan Yang Terutama Yasmin Busran-Lao; Setiausaha Autoriti Pembangunan Mindanao, Tuan Yang Terutama Datu Abul Khayr D. Alonto dan Senator Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Alan Peter S. Cayetano.

Kemudian disusuli dengan Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana. Berangkat sama pada Majlis Mengadap ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, serta kerabat diraja yang lain.

Juga hadir di majlis tersebut termasuk Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Perfecto R. Yasay Jr.; Setiausaha Kewangan, Tuan Yang Terutama Carlos G. Dominguez III; Setiausaha Pertahanan Kebangsaan, Tuan Yang Terutama Miguel Delfin N. Lorenzana; Senator Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Alan Peter S. Cayetano dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo LB. Montealegre.

Selepas Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina yang berlangsung di Baitul Mesyuarah.

Berangkat sama pada majlis perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir pada majlis perjumpaan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong juga selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Semasa majlis perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat.



KEDUA-DUA pemimpin memeriksa Barisan Kehormatan yang terdiri daripada Tentara Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan kepada ahli-ahli rombongan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.



AHLI kerabat diraja semasa mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina di Istana Nurul Iman.



TUAN Yang Terutama Presiden Republik Filipina diperkenalkan kepada pembesar-pembesar negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.




BERANGKAT sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



BERANGKAT sama, kerabat diraja yang lain dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Menteri Pengiring.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perjumpaan Dua Hala yang berlangsung di Baitul Mesyuarah.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte juga berucap pada Majlis Perjumpaan Dua Hala.



TURUT hadir pada majlis perjumpaan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



JUGA hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Berangkat ke Majlis Santap Negara meraikan Presiden Republik Filipina

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte serta rombongan pada hari Isnin, 17 Oktober 2016 yang dalam rangka Lawatan Negara ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina di Istana Nurul Iman dan seterusnya kedua-dua pemimpin beredar ke Royal Lounge bagi Majlis Mengadap sebelum Majlis Santap Negara.

Selepas Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beredar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama bagi Majlis Santap Negara.

Berangkat sama ke Majlis Santap Negara ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Sebelum Majlis Santap Negara dimulakan, doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dalam ucapan balasnya berkata, kedua-dua negara akan terus bekerjasama rapat bagi mengekalkan hubungan baik antara negara dan rakyatnya.

Menurut Tuan Yang Terutama, dalam sejarah, kedua buah negara masing-masing telah menghadapi banyak cabaran yang akhirnya berjaya diatasi.

Tuan Yang Terutama berkata, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina telah meneroka dan menjalin beberapa usaha yang mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang mana kerjasama ini akan terus diperkukuhkan.

“Kedua-dua negara mempunyai banyak peluang untuk memperkukuhkan lagi perkongsian – dalam bidang perdagangan serta pelaburan, kerjasama politik - keselamatan, menyelesaikan pertikaian secara damai, membawa keadilan dan keamanan untuk Mindanao dan membina ASEAN yang lebih kukuh,” jelas Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama juga mengucapkan terima kasih terhadap majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas peranan penting baginda dalam memastikan hubungan baik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina di peringkat dasar dan peribadi.

“Kita perlu melihat antara satu sama lain dengan rasa hormat, saling mempercayai dan keyakinan yang telah terjalin semenjak 32 tahun lamanya,” kata Tuan Yang Terutama.

Tuan Yang Terutama turut mengucapkan rasa syukur atas pemedulian baginda terhadap warga Filipina di negara ini yang mana menunjukkan keprihatinan peribadi serta ihsan baginda dan atas kesediaan negara ini dalam memberikan bantuan segera ketika bencana melanda Republik Filipina.


Dengan muhibah dua hala yang mendalam, Tuan Yang Terutama menegaskan keazaman dan komitmen untuk menghargai, melindungi dan memupuk hubungan kedua belah pihak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte di Royal Lounge bagi Majlis Mengadap sebelum Majlis Santap Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte semasa berangkat ke Majlis Santap Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman dengan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte pada Majlis Santap Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah pada Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.



BERANGKAT sama ke Majlis Santap Negara ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



JUGA berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



JUGA berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

**Titah by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam
at a Banquet in Honour of the State Visit of
His Excellency Rodrigo Roa Duterte
President of the Republic of the Philippines
on 17th October 2016 at Istana Nurul Iman**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Your Excellency President Rodrigo Roa Duterte (Dutertay),

Excellencies,

Ladies and Gentlemen.

My government and the people of Brunei Darussalam join me in extending a very warm welcome to you on your first visit here.

Your presence reaffirms the excellent and long-standing friendship so happily enjoyed by the people of our two countries.

I extend my congratulations on your appointment as the President of the Republic of the Philippines.

We, in Brunei admire your personal achievements as the Mayor of Davao in making the city business-friendly and attaining impressive economic growth.

I am confident that under your leadership, Davao's success will be replicated throughout the Philippines and bring inclusive growth to your people.

Mr. President,

The historical links and common heritage that we share has cultivated strong ties and mutual understanding amongst us.

This has enabled good cooperation in a wide range of areas, including trade and investment, labour, defence, health, education and air services.

We much appreciate the efforts of 23,000 Philippine nationals, who have come to work in our country and help in the development of our economy, such as teachers, health professionals and engineers.

The regular air linkages between our capitals have made it easier for us to visit one another as well as facilitate economic activities between our businessmen.

Today, there remains much potential to be tapped in our economic cooperation.

This includes strengthening our work in the energy sector, as well as exploring new areas in the halal industries.

Mr. President,

We also enjoy good cooperation in defence. Our 13th International Monitoring Team left for the Southern Philippines last month.

Since 2004, we have worked closely together to promote peace and stability in that part of your country.

Your personal commitment towards this endeavor is very much appreciated, as it contributes to overall regional security.

Mr. President,

On the regional front, we congratulate you and extend our full support to the Philippines' Chairmanship of ASEAN in 2017.

We wish you and your government the very best in all your preparations.

It is important that we strive to be politically cohesive, economically integrated and socially responsible for the benefit of our peoples as outlined in the ASEAN Community Vision 2025.

Under BIMP-EAGA, we will also continue to work closely with you to see this sub-region grow and develop, including in nurturing our Micro, Small and Medium Enterprises (M.S.M.Es), conserving the environment and enhancing connectivity through infrastructure development and tourism.

On the wider Asia-Pacific region, we look forward to continuing the initiatives under APEC, including progressing the Free Trade Area of the Asia Pacific as well as to establish a competitive service sector.

I believe these undertakings will complement our efforts towards the ASEAN Economic Community and provide more opportunities for our people.

Mr. President,

We look forward to continuing our close people-to-people contact and deepening the warm and long-standing friendship and cooperation between our two countries.

My government and people join me in conveying our best wishes to you and the people of the Republic of the Philippines for lasting peace, happiness and prosperity.

We wish you an enjoyable stay.

Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Presiden Republik Filipina akhiri Lawatan Negara

PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini pada hari Selasa, 18 Oktober 2016 setelah menamatkan Lawatan Negara selama tiga hari.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat berlepas ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Menteri Pengiring; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.


Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo LB. Montealegre.

Sepanjang lawatan Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte di negara ini, Tuan Yang Terutama berpeluang berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina sememangnya mempunyai hubungan persahabatan tradisi yang lama dan telah dikukuhkan lagi dengan termeterainya hubungan diplomatik yang dicapai pada tahun 1984.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte semasa melintasi kawalan statik.



TUAN Yang Terutama bersalaman dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring sebelum berlepas pulang.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa mengucapkan selamat berlepas balik kepada Tuan Yang Terutama.

